

Kes saman isu sewa tanah dua adinda Sultan Kelantan selesai

Kota Bharu: Dua adinda Sultan Kelantan, Tengku Bendahara Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra Sultan Ismail Petra dan Tengku Amalin A'ishah Putri mencapai persetujuan berhubung tuntutan saman terhadap sebuah syarikat pertanian berkenaan bayaran sewa tiga bidang tanah milik keluarga diraja itu di Lojing, Gua Musang seluas 7.4 hektar.

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Datuk Mohamad Abazafree Mohd Abbas merekodkan penghakiman persetujuan yang dicapai kedua-dua pihak tanpa pengakuan terhadap liabiliti, yang defendant turut bersetuju membayar amaun yang dipersetujui kepada plaintiff.

"Saya ingin ucapkan terima kasih kepada kedua-dua pihak

(plaintif dan defendant) kerana berjaya selesaikan kes ini secara penghakiman persetujuan," kata Mohamad Abazafree.

Tengku Muhammad Fakhry Petra dan Tengku Amalin A'ishah Putri sebagai plaintiff memfailkan saman terhadap Datuk Heng Poi Hong dan United SFL Plantation Sdn Bhd selaku defendant pertama dan kedua.

Saman difailkan menerusi Te-

tuan Esmael, Nor & Co manakala defendant diwakili Tetuan Ahmad Deniel, Ruben & Co.

Mengikut pernyataan tuntutan, defendant menyewa tanah terbabit dengan mengusahakan tanaman sayuran seperti kubis dan tomato sejak 2006.

Peguam Esmael Shah yang di-

temui di luar mahkamah berkata, Tengku Muhammad Fakhry dan Tengku Amalin A'ishah Puteri mendukung prinsip 'raja dan rakyat berpisah tiada'.

"Mereka mahu memudahkan kes dan menyelesaikan secara baik tanpa perbicaraan kerana prihatin terhadap rakyat dan mahu mengambil pendekatan praktikal untuk menjaga hubungan bersama defendant serta keharmonian antara institusi diraja dan rakyat," katanya.

BERNAMA